

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RAK 344 - Sejarah dan Teori Seni Bina

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LAPAN** soalan sahaja: **LIMA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN B**

BAHAGIAN A (Jawab LIMA soalan sahaja)

1. (a) Pembinaan piramid adalah merupakan satu misteri hingga kini. Sesetengah pihak mempercayai bahawa binaanya mendapat bantuan UFO dan kuasa sihir, tetapi kebanyakannya mempercayai bahawa tenaga manusia telah dikerahkan bertahun lamanya menggunakan teknik tertentu.

Huraikan teori bagaimana piramid dibina menggunakan tenaga manusia itu. Sertakan jawapan anda berserta lakaran.

(5 markah)

- (b) Dengan bantuan lakaran-lakaran, huraikan apakah maksud perkataan-perkataan di bawah dalam seni bina Mesir Purba?

- (i) mastaba
- (ii) hieroglyphics
- (iii) portcullises
- (iv) sphinx
- (v) 'rock-cut tomb'

(5 markah)

2. (a) Lakar dan huraikan mengenai **KETIGA-TIGA** 'Greek Orders'.
(3 markah)
- (b) Lakar dan huraikan apakah ciri-ciri keistemewaan yang ada pada binaan Parthenon (Seni Bina Greek) dan Pantheon (Seni Bina Roman).
(7 markah)
3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'basilican church', dan huraikan **TIGA** ciri-ciri senibina Kristian Awal.
(6 markah)
- (b) Lakar dan huraikan maksud perkataan-perkataan berikut pada seni bina Byzantine:
- (i) squinch
 - (ii) pendentives
 - (iii) drum
 - (iv) dome
- (4 markah)
4. (a) Bagaimanakah sebuah 'arch' dibina dan apakah fungsi 'aqueduct' pada seni bina Romanesque?
(5 markah)
- (b) Sagang terbang atau 'flying buttress' pada seni bina Gothic adalah satu sistem struktur. Huraikan bagaimana ia dapat menjadi struktur sebuah gereja Gothic.
(5 markah)
5. (a) Bagaimanakah Christopher Wren melakukan pembinaan dome pada St. Paul's Cathedral dan kenapakah dome itu perlu mencapai ketinggian sedemikian?
(6 markah)
- (b) Apakah maksud 'Renaissance' dan apakah yang dipentingkan oleh arkitek 'Renaissance' dalam seni bina mereka?
(4 markah)

6. (a) Lakar dan huraikan maksud perkataan-perkataan berikut pada seni bina Islam:

- (i) mihrab
- (ii) arabesque
- (iii) muqarnas
- (iv) menara
- (v) minbar

(6 markah)

(b) Apakah keistimewaan dan kepentingan penggunaan 'calligraphy' dalam seni bina Islam dan apakah dua bentuk "calligraphy" yang biasa didapati pada seni bina Islam?

(4 markah)

7. (a) Apakah ciri-ciri yang dapat membezakan antara seni bina Buddhist dan seni bina Shinto di Jepun?

(5 markah)

(b) Huraikan maksud perkataan-perkataan berikut pada seni bina China, Jepun dan India:

- (i) pagoda
- (ii) stupa
- (iii) katsuogi
- (iv) chigi
- (v) epics, Trimurti (images)

(5 markah)

8. (a) Kelek anak, anjung dan rumah ibu merupakan antara ruang-ruang yang terdapat pada rumah tradisional Melayu. Huraikan fungsi dan kedudukan mereka pada pelan tipikal sebuah rumah Melayu.


(5 markah)

(b) Apakah kepercayaan orang-orang Melayu terhadap cara-cara orientasi sebuah rumah dan apakah kepentingan 'tiang seri' pada rumah Melayu?

(5 markah)

BAHAGIAN B (Jawab Soalan 9 (WAJIB) dan DUA soalan lain)

9. (a) Berdasarkan **Gambarajah 1**, ilustrasikan menggunakan sekurang-kurangnya satu contoh seni bina, perkembangan tamadun yang disingkatkan dengan NIMIM.



Gambarajah 1: Perkembangan Tamadun

Gambarajah 1 : Perkembangan Tamadun

- (b) Di manakah letaknya Zaman Kegelapan dalam Sejarah Seni Bina Barat dan mengapakah ianya satu-satu kesilapan besar dalam penggaluran sejarah dunia?
- (c) Mengapakah Model NIMIM ini disebut model universal?
(20 markah)
10. (a) Apakah maksud **masalah sejarah**?
- (b) Berikan **TIGA** contoh masalah sejarah yang didapati dalam penggaluran sejarah seni bina?
- (c) Seandainya masalah sejarah ini diatasi, apakah kemungkinan kesannya ke atas rekabentuk seni bina?
(15 markah)

11. (a) Apakah maksud globalisasi?
- (b) Apakah kaitannya dengan Model NIMIM dalam soalan di atas?
- (c) Apakah keutamaan-keutamaan dalam seni bina yang mengikut dan melawan model NIMIM ini, dan apakah kesannya di dalam amalan seni bina sehari-hari?

(15 markah)

12. Apabila Arkitektur didefinisikan, ianya adalah sebahagian dari penghasilan keseluruhannya. Oleh yang demikian, apabila sejarah arkitektur digalur, keterangan sejarah hanyalah keterangan serpihan penghasilan tadi. Masalah menjadi kompleks apabila model sejarah yang digunakan adalah model yang tidak sempurna. Ini menjadikan bahan bacaan dalam arkitektur senantiasa tidak berpenyelesaian. Masalah menjadi lebih rumit lagi apabila bacaan-bacaan ini digunakan pula untuk merekabentuk dan mengubah alam sekitar melalui bangunan yang dibina. Akibatnya ialah keruntuhan arkitektur itu sendiri. Bincangkan.

(15 markah)

-ooo000ooo-

